

WICULS 2015



SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH berkenan menyampaikan titah dan melancarkan koleksi buku ilmiah terbitan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dalam Sidang Kemuncak Pemimpin-Pemimpin Universiti Negara Islam Dunia anjuran USIM dan Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) di Putrajaya, semalam. Turut hadir Pengerusi Lembaga Penasihat AKEPT, Tan Sri Dr. Wan Mohd. Zahid Wan Mohd. Nordin (dua dari kiri) dan Dr. Abdul Shukor Husin (empat dari kanan). - BERNAMA

Tangani isu pelarian Syria dengan lebih baik - Sultan Perak

Oleh HAKIMI ISMAIL
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 29 SEPT.

SULTAN Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah hari ini bertitah, seluruh umat Islam diharapkan dapat menangani isu pelarian Syria dengan lebih baik.

Titah baginda, sejak beberapa minggu lalu, dunia menyaksikan nasib pelarian Syria yang sangat terdesak memasuki negara-negara Eropah untuk mendapatkan perlindungan berbanding meminta bantuan daripada negara-negara Islam.

"Beta amat tersentuh dengan kenyataan seorang pelarian Syria yang menyamakan Canselor Jerman, Angela Merkel dengan pemimpin Habshah, Raja Negus yang terkenal sebagai pelindung umat Islam semasa hijrah pertama Nabi



Seorang lagi pelarian Syria berkata, mereka akan memberitahu anak-anak mereka bahawa pelarian Syria lari ke negara Eropah sedangkan Mekah dan bumi Islam lebih hampir dengan Syria."

SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH
Sultan Perak

Muhammad SAW.

"Seorang lagi pelarian Syria berkata, mereka akan memberitahu anak-anak mereka bahawa pelarian

Syria lari ke negara Eropah sedangkan Mekah dan bumi Islam lebih hampir dengan Syria," titah baginda.

Baginda bertitah demikian ketika menyampaikan ucapan bertajuk *Reclaiming Education in Muslim Universities for 21st Century* dalam Sidang Kemuncak Pemimpin-Pemimpin Universiti Islam Dunia (WICULS 2015) di sini hari ini.

Yang hadir sama Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Emeritus Dr. Abdul Shukor Husin, Felo Utama USIM, Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak dan Felo Akademik di University Of Cambridge, Ahmad Keeler.

WICULS 2015 yang bertemakan *Re-writing the narrative: Higher Education for the 21st Century* menghimpunkan lebih 200 pemimpin tertinggi universiti Islam seluruh dunia buat kali pertama bagi membincangkan isu dan usaha untuk

membangunkan naratif pendidikan baharu bagi mendepani cabaran pengajian tinggi global.

Menurut baginda, berdasarkan sejarah lama, sesuatu boleh dipelajari yang mana umat Islam ketika ini boleh lakukan sesuatu yang lebih baik terhadap situasi pelarian Syria yang semakin meruncing sekarang.

"Kita sepatutnya belajar daripada sejarah di mana ketika umat Islam di Eropah diusir semasa penjajahan Sepanyol sekitar abad ke-15, pada ketika itu, ramai pelarian Islam kekal dan menetap di Universiti Al-Qarawiyin, Fez di Maghribi.

"Malah, sebahagian mereka turut menyambung pelajaran di sana sehinggalah bandar Fez menjadi tempat yang terkenal bagi penempatan pelarian, jadi beta harap umat dan pemimpin Islam dapat menangani perkara ini dengan baik," titah baginda.